

LATIHAN SIMPULAN BAHASA

Lengkapi ayat di bawah dengan simpulan bahasa yang sesuai.

bekas tangan ada bakat bulat kata membuka jalan besar hati

Adik saya (1) _____
dalam bidang lukisan. Ibu dan ayah

(2) _____ untuk menghantar
adik ke kelas lukisan. Kelas ini dapat

(3) _____ untuk adik mendalami
bidang lukisan.

Adik berasa (4) _____ dapat mengikuti
kelas lukisan. Adik telah menghasilkan potret keluarga. Potret

(5) _____ adik itu digantung di ruang tamu.



LATIHAN PENJODOH BILANGAN

Isi tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang sesuai berdasarkan gambar.

helai

pasang

biji

potong

kaki

1. Puan Zainab menghidangkan beberapa _____ buah epal selepas makan tengah hari.



2. Adik membantu kakak menyidai tiga _____ baju di ampaian.




3. Nenek menempah se _____ cermin mata kerana matanya agak rabun.



4. Ibu meminta Meena membawa se _____ payung kerana hujan renyai-renyai.



5. Kakak memberi datuk dua _____ pil mengikut arahan doktor.




LATIHAN KATA ADJEKTIF

Taipkan kata adjektif yang betul.

1. Ibu meletakkan tong sampah itu _____
meja makan. (jauh; rapat)




2. Tandas itu terletak _____ dengan bilik
rehat pekerja. (hampir; jauh)



3. Adik duduk _____ dengan ayah semasa
menaiki Transit Laju Massa. (hampir; rapat)




4. Encik Lee meletakkan keretanya _____
dengan pondok pengawal. (dekat; rapat)



LATIHAN KATA ARAH

Pilih kata arah yang betul.


1. Alat pemadam api itu di _____
dewan.



2. Perempuan yang duduk di _____
Cikgu Tan dengan guru besar itu ialah
penceramah.



3. Alat penutup hidung itu di _____
meja



4. Murid-murid harus berkumpul di _____
bangunan sekolah.



LATIHAN KATA TANYA

Pilih kata tanya yang betul.

1. Encik Farid memasang alat kamera litar tertutup di (mana, apa)?
2. (Apa, Bila)kah fungsi alat pengesan asap ini?
3. (Bila, Bagaimana)kah cara kita hendak menggunakan alat pemadam api ini?
4. Kebakaran kecil itu dapat dipadam oleh (mana, siapa)?